

Topik 1 ► Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir topik ini, anda seharusnya dapat:

1. Menjelaskan asas usul bangsa dan bahasa Melayu;
2. Mengenal pasti rumpun bahasa Austronesia dan keluarga bahasa Melayu; dan
3. Menjelaskan bahasa Melayu Kuno dan Melayu Klasik.

► PENGENALAN

Pengenalan tentang asal-usul bahasa dan bangsa Melayu telah anda pelajari dalam HMBL3703 Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu yang telah memperincikan perkembangan bahasa Melayu dengan jelas. Dalam modul ini, topik 1 dan topik 2 merupakan imbasan kembali sejarah awal tersebut secara ringkas dan bagi topik-topik seterusnya anda akan diperkenalkan kepada perkembangan bahasa Melayu selepas merdeka, cabaran yang dihadapi, perancangan bahasa, kemunculan sistem tulisan, perkamusan Melayu dan kaedah penterjemahan.

Sejarah perkembangan bahasa Melayu perlu dilihat dari sudut etimologi kata "Melayu". Asal usul perkataan ini sebenarnya masih belum disahkan oleh ahli sejarah. Apa yang dapat dilakukan ialah meneliti beberapa bukti yang dapat dikaitkan dengan kata Melayu, iaitu catatan Cina yang menyatakan bahawa sebuah kerajaan Mo-lo-yeu mempersembahkan hasil bumi kepada Maharaja Cina sekitar tahun 644-645 Masihi. Ada juga yang berpandangan bahawa kerajaan Mo-lo-yeu berpusat di daerah Jambi, Sumatera yang diberikan namanya berdasarkan sebatang sungai bernama Sungai Melayu. Satu catatan orang Cina

ialah seorang sami Buddha yang bernama I-Tsing menggunakan perkataan tersebut apabila menceritakan tentang dua buah kerajaan yang dilawatinya sekitar tahun 675 Masihi. Dalam bahasa Jawa Kuno pula, perkataan “Mlayu” bermaksud berlari atau mengembara. Ini dapat dikaitkan dengan kedatangan Indo-Melayu (Austronesia) yang dikatakan bergerak dari Yunan ke Tanah Melayu.

Istilah Melayu dapat dilihat dari dua segi, iaitu pengertian yang sempit dan pengertian yang luas (Asmah,1985:37). Bagi pengertian pertama, istilah ini merujuk kepada bangsa-bangsa Austronesia yang terdapat di semenanjung Tanah Melayu dan kawasan tradisional yang disebut sebagai gugusan pulau-pulau Melayu, yakni pulau-pulau yang meliputi Indonesia hari ini. Pengertian kedua??

Pada tahun 1972, pertubuhan UNESCO telah memilih istilah Melayu bagi merujuk kepada suku bangsa yang berbahasa Melayu yang mendiami semenanjung Tanah Melayu, pantai timur Sumatera dan beberapa tempat lagi yang berdekatan. Bahasa yang digunakan oleh penduduk di kawasan ini ialah bahasa Melayu. Bahasa ini menjadi bahasa kebangsaan di Malaysia, manakala di Indonesia dikenal pula sebagai bahasa Indonesia yang merupakan bahasa kebangsaan di negara itu juga.

1.1 ASAL USUL BAHASA MELAYU


Beberapa orang sarjana bahasa Barat telah membuat penyelidikan tentang bahasa-bahasa yang tersebar di kepulauan Melayu dengan membandingkan antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Antara pengkaji yang terkenal termasuklah R.H. Geldern, J.H.C. Kern, Wilhem von Humboldt, van der Tuuk, Otto Demwolff, P.W. Schmidt, Brandstetter, William Marsden dan lain-lain. Sarjana tempatan yang turut memberi sumbangan terhadap usaha ini ialah Asmah Haji Omar, Amat Juhari Moain, Harun Aminurrashid, Ismail Hussien dan lain-lain.

Bangsa Melayu dikatakan berasal dari Asia Tengah atau dari Nusantara (kepulauan Melayu). Ini berdasarkan dua teori yang dikemukakan oleh para pengkaji, iaitu R.H. Geldern, iaitu seorang ahli pengkaji prasejarah yang mengatakan bahawa bangsa Melayu berasal dari Asia Tengah berdasarkan kajian yang dibuat terhadap kapak tua (beliung batu) yang ditemui. Kapak tua tersebut ditemui di sekitar hulu Sungai Brahmaputra, Irrawaddy, Hwang, Salween dan Yangtze yang didapati serupa dengan kapak tua yang ada di kawasan Nusantara. Beliau menyimpulkan bahawa kapak tua di Nusantara itu dibawa oleh masyarakat dari Asia Tengah bersama-sama dengan bahasanya sekali.

Pengkaji seterusnya ialah J.H.C. Kern, seorang ahli filologi Belanda juga mengatakan bahawa bangsa Melayu itu berasal dari Asia Tengah berdasarkan persamaan beberapa perkataan. Beliau mendapati ada beberapa perkataan yang terdapat di kepulauan Nusantara itu terdapat juga di Madagaskar, Taiwan, beberapa pulau di kepulauan Pasifik dan di Filipina. Beliau juga mendapati bahawa perkataan yang digunakan berasal daripada induk yang sama, iaitu Asia.

Selain dua tokoh tersebut, William Marsden yang membuat kajian terhadap bahasa Melayu mendapati bahasa Melayu dan bahasa Polinesia itu merupakan bahasa serumpun. Pendapat yang kedua mengatakan bahawa bangsa Melayu itu berasal dari Nusantara yang bermaksud bahasa Melayu itu bermula dari Nusantara. Dalam kajian ini, istilah filum digunakan bagi menggambarkan kelompok bahasa yang menjangkau lebih 5,000 tahun.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji, bahasa Melayu didapati tergolong dalam filum bahasa-bahasa Austris yang mempunyai tiga rumpun utama: bahasa Austroasia, Tibet-China dan Austronesia (Rajah 1.1).




Rajah 1.1: Pembahagian Filum Austris

1.1.1 Keluarga Bahasa-Bahasa Austronesia

Perkataan Austronesia merupakan gabungan dua perkataan, iaitu *austro* dan *nesos*. Perkataan *w* berasal daripada bahasa Latin, yang bermaksud selatan; manakala perkataan *nesos* berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud pulau. Oleh itu, istilah *austronesia* membawa pengertian “pulau-pulau selatan” (Asmah,1985:35). Istilah ini diperkenalkan oleh P.W. Schmidt, manakala istilah Malayo-Polnesia digunakan oleh Wilhem von Humboldt, ahli bahasa yang telah mengkaji aspek keserumpunan bahasa antara bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa di daerah Polinesia. Bahasa Austronesia ialah satu rumpun bahasa yang tergolong dalam satu filum bahasa Austris bersama-sama dengan rumpun bahasa Austroasia dan Tibet-China. Istilah rumpun digunakan bagi

menggambarkan sekelompok bahasa yang mempunyai tempoh masa antara 2,500 – 5,000 tahun.

Rumpun bahasa Austronesia terbahagi kepada empat rumpun, iaitu bahasa-bahasa di kepulauan Melayu (Nusantara), bahasa-bahasa Polinesia (bahasa-bahasa di Hawaii, Tonga dan New Zealand iaitu di kalangan bangsa Maori), Melanesia (bahasa-bahasa di Fiji, Irian dan New Caledonia), dan Mikronesia (bahasa-bahasa di kepulauan Gilbert, Carolina, Marshall dan Marianna) (Rajah 1.2).



Rajah 1.2 : Pecahan Rumpun Bahasa Austronesia

1.1.2 Rumpun Bahasa Melayu


Bahasa Melayu tergolong dalam keluarga Nusantara di bawah rumpun bahasa Austronesia. Asal-usul bahasa Melayu adalah dari filum Austris. Filum Austris terpecah kepada tiga rumpun bahasa yang besar iaitu rumpun Austroasia dan rumpun Austronesia (dulu dikenali sebagai Malayo-Polinesia), dan rumpun Tibet-China. Rumpun Austronesia pula dipecahkan kepada empat keluarga, iaitu Indonesia (Nusantara), Melanesia, Mikronesia dan Polinesia (Rajah 1.2). Dalam keluarga bahasa Nusantara terdapat kira-kira 200 hingga 300 bahasa. Namun begitu, bahasa-bahasa tersebut dikelaskan kepada golongan tertentu seperti golongan Filipina, Sumatera, Jawa, Kalimantan, Bali-Sasak, Muna-Butung, Gorontalo, Tomini, Loinang, Bunku-Laki, Sulawesi selatan, Bima-Sumba, Ambon-Timul, Sula-Bacon, dan Halmahera selatan-Irian Jaya. Bahasa Melayu tergolong ke dalam kumpulan bahasa Sumatera.

Beberapa teori telah mengatakan bahawa penutur-penutur bahasa Melayu berasal daripada golongan manusia yang diberi nama Austronesia. Mereka datang dari daerah Yunan dan telah turun dalam dua gelombang pergerakan ke wilayah Asia Tenggara. Golongan pertama disebut Melayu Proto yang datang sejak tahun 2,500 sebelum Masihi. Tidak dijelaskan mengapa mereka berpindah. Mereka tinggal di kuala-kuala sungai dan pantai untuk memudahkan kerja-kerja

mencari makan. Golongan kedua disebut Melayu Deutro yang datang kira-kira dalam tahun 1,500 sebelum Masihi. Perpindahan mereka juga tidak dapat dipastikan sebab-sebabnya. Melayu Deutro ini telah berpindah mengikut jalan dan laluan yang dilalui Melayu Proto. Apabila sampai di selatan mereka mendesak golongan pertama ke daerah pinggir, ke hulu sungai, ke kawasan gunung atau ke tempat-tempat yang terpencil, manakala Melayu Deutro tinggal di kawasan tanah pamah, tanah rendah, lembah sungai dan di tepi laut.

Selain daripada itu, terdapat teori yang menyatakan bahawa bangsa Melayu berasal dari Tanah Besar Asia Tenggara. Pendapat ini didukung oleh pengkaji-pengkaji Barat. H. Kern menyatakan bahawa penduduk di kepulauan Asia Tenggara berasal dari Assam, di bahagian timur negara India. Beliau membuat kesimpulan demikian lantaran terdapat persamaan-persamaan adat resam beberapa suku di Sumatera dan Borneo dengan suku-suku di Assam seperti suku Naga di India. Henry Yule pula berpendapat seperti J.R. Logan iaitu tentang wujudnya persamaan adat resam antara penduduk-penduduk di daratan Asia Tenggara dengan yang terdapat di kepulauan Melayu. Persamaan-persamaan ini menunjukkan bahawa mereka adalah daripada keturunan yang sama.

Berdasarkan kajian-kajian ini boleh dikatakan bahawa penduduk-penduduk kepulauan Asia Tenggara hingga ke Lautan Teduh berasal dari tanah besar Asia Tenggara. Tetapi tidak dapat dipastikan dari mana. Ada yang mengatakan dari Yunan, di barat daya negeri China; dari Assam, India; dari Asia Tengah; dan ada juga yang mengatakan dari bahagian selatan tanah besar Asia Tenggara. Seorang lagi sarjana yang membuat kajian perbandingan bahasa ialah Mees. Beliau membuat kajian bertitik tolak daripada pembahagian oleh Schmidt dengan sedikit perubahan dan data yang lebih perinci. Menurut Mees lagi, bahasa dan dialek di Tanah Melayu tidak dapat tidak, mempunyai hubungan dengan bahasa yang digunakan di pantai Timur Sumatera, iaitu bahasa Melayu. Malah, daerah bahasa Melayu di luar Tanah Melayu merangkum kepulauan Riau, Palembang, Kampar, Jambi dan Medan. Bahasa Melayu-Sriwijaya memperlihatkan sisa-sisa tua daripada salah satu bahasa Austronesia berdasarkan prasasti yang terdapat pada batu bersurat Talang Tuwo bertarikh 680 Masihi. Di bahagian utara pula, terdapat kelompok bahasa Aceh, bahasa Batak seperti Karo, Toba, Simalungan, dan Angkola-Mandiling, Nias, Mentawai, Minangkabau dan Lampung.



Rajah 1.3: Keluarga Bahasa Melayu

Istilah keluarga digunakan bagi menggambarkan sekelompok bahasa yang kurang daripada 2,500 tahun. Berdasar Rajah 1.3, kita dapati bahawa keluarga bahasa Melayu juga mempunyai pecahannya tersendiri. Kumpulan bahasa Melayu Johor mempunyai induknya yang bermula daripada bahasa Melayu Johor kemudian bahasa Melayu tengah sebelum ke bahasa Melayu induk yang dikatakan berasal daripada bahasa Melayu Proto yang juga merupakan kumpulan bahasa Austronesia.

Daripada keluarga Indonesia (Nusantara), bahasa Melayu terpecah kepada 16 subkeluarga atau bahasa, iaitu bahasa Filipina, Sumatera, Jawa, Kalimantan, Bali-Sasak, Gorontalo, Tomini, Toraja, Loinang, Bunku-Laki, Sulawesi Selatan, Muna-Butung, Bima-Sumba, Ambon-Timur, Sula-Bacon, Halmahera Selatan-Irian Jaya. Dalam subkeluarga Sumatera termasuk bahasa Aceh, Batak, Minangkabau, Melayu, Nias, Lampung, dan orang Laut.

Osman Omar (1961:3) mengatakan bahawa percabangan bahasa Indonesia begitu tersebar luas kerana dikembangkan oleh suku bangsa yang seketurunan dengan bangsa Melayu dan penyebaran ini terjadi disebabkan sifat semula jadi bangsa Melayu sendiri sebagai ahli pelayaran dan perantau yang masyhur. Ciri-ciri pelaut dan perantau bangsa Melayu ini mengakibatkan berlakunya dua pertembungan penting pada induk bahasa Indonesia menjadi berbagai-bagai bahasa lain. Menurut Asmah (1985) kawasan penyebaran bahasa-bahasa Indonesia dianggap sebagai pusat keseluruhan kawasan Austronesia atas beberapa sebab. Antara lain, keluarga bahasa ini melebihi mana-mana keluarga bahasa dari segi bentuk-bentuk bahasanya. Malah daripada keluarga bahasa inilah terdapatnya bahasa Melayu, iaitu bahasa yang pesat perkembangannya sehingga dijadikan bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Malah kerajaan yang memerintah alam nusantara semuanya terdapat di kawasan Indonesia, misalnya Kerajaan Sriwijaya-Melaka dan kerajaan Melayu-Johor.

Hal ini diperjelaskan oleh Ismail Hussien (1948:5) yang mengatakan bahawa bahasa Melayu hanyalah merupakan satu daripada lebih kurang 200 bahasa dalam kepulauan Melayu. Oleh sebab bentuknya yang amat sederhana dan kemungkinan menerima unsur asing dan sifatnya yang dapat dilentur buat memenuhi keperluan semasa, maka jadilah bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang terpenting dalam sejarah bahasa-bahasa di kepulauan Melayu. Ahli bahasa membahagikan perkembangan bahasa Melayu kepada beberapa tahap, iaitu i) **bahasa Melayu Kuno**, ii) **bahasa Melayu Klasik**, dan iii) **bahasa Melayu Moden**. Bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur yang besar jumlahnya dibandingkan dengan bahasa lain seperti bahasa Jawa atau bahasa Tagalog. Bahasa Melayu Purba dikatakan wujud pada zaman prasejarah namun tidak ada bukti yang bertulis pada masa itu. Perbincangan dalam modul ini lebih tertumpu kepada perkembangan bahasa Melayu Kuno dan bahasa Melayu Klasik yang menjadi asas kepada perkembangan bahasa Melayu Moden.



SEMAK KENDIRI 1.1

- (a) Huraikan dengan ringkas sejarah asal usul kata “Melayu”.
- (b) Bincangkan konsep rumpun dan keluarga bahasa Melayu.

1.2 BAHASA MELAYU KUNO

Bahasa Melayu Kuno ialah bahasa yang dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit. Bahasa Sanskrit dikatakan banyak mempengaruhi kosa kata dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu Kuno melalui zaman kegemilangannya semasa berada

di bawah kerajaan Sriwijaya, kira-kira pada abad ke-7 hingga abad ke-13. Kegemilangannya terbukti apabila bahasa Melayu mampu menjadi *lingua franca* dan bahasa pemerintah. Kerajaan Sriwijaya berjaya menghasilkan bahasa Melayu yang dipertuturkan oleh semua masyarakat sehingga bahasa Melayu menjadi bahasa komunikasi di kepulauan Melayu, kepulauan Riau dan juga Sumatera. Kewujudan bahasa ini dibuktikan melalui penemuan-penemuan batu-batu bersurat seperti batu bersurat di Kedukan Bukit, Palembang (683SM); batu bersurat di Talang Tuwo, dekat Palembang (684M); batu bersurat di Kota Kapur, Pulau Bangka (686M); dan batu bersurat di Karang Brahi, Jambi (686M). Batu bersurat di Gandasuli, Jawa Tengah (832M) ialah batu bersurat yang pertama ditemui menerima pengaruh tulisan Nagiri.

Rumpun ini merupakan keluarga bahasa Nusantara dan berkembang dari abad ke-7 hingga abad ke-13 sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa *lingua franca*. Penuturnya terdapat di semenanjung Tanah Melayu, kepulauan Riau dan Sumatera. Kepentingannya sebagai bahasa *lingua franca* kerana sifatnya yang sederhana dan mudah menerima pengaruh asing, tidak terikat kepada perbezaan susun lapis masyarakat dan mempunyai sistem yang lebih mudah berbanding dengan bahasa Jawa. Bahasa ini banyak dipengaruhi oleh sistem bahasa Sanskrit yang banyak menyumbang kepada pengayaan kosa kata bahasa Melayu. Pengaruh Sanskrit kuat akibat kaitannya dengan agama Hindu, kedudukannya sebagai bahasa golongan bangsawan dan hirarkinya yang tinggi. Ciri-ciri bahasa Melayu Kuno dapat dilihat berdasarkan butiran yang berikut:

CIRI-CIRI BAHASA MELAYU KUNO
1. Banyak kata-kata pinjaman Sanskrit
2. Susunan ayat bersifat Melayu
3. Bunyi <i>b</i> ialah <i>w</i> dalam Melayu Kuno (Contoh: bulan - <i>wulan</i>)
4. Bunyi <i>e</i> pepet tidak wujud (Contoh dengan - <i>dngan</i> atau <i>dangan</i>)
5. Awalan <i>ber-</i> ialah <i>mar-</i> dalam Melayu Kuno (contoh: berlepas- <i>marlepas</i>)
6. Awalan <i>di-</i> ialah <i>ni-</i> dalam bahasa Melayu Kuno (Contoh: diperbuat - <i>niparwuat</i>)
7. Ada bunyi konsonan yang diaspirasikan seperti <i>bh</i> , <i>th</i> , <i>ph</i> , <i>dh</i> , <i>kh</i> , <i>h</i> (Contoh: <i>sukhatshitta</i>)
8. Huruf <i>h</i> hilang dalam bahasa moden (Contoh: semua- <i>samuha</i> , saya: <i>sahaya</i>)

Tulisan yang digunakan merupakan tulisan yang berasal dari India seperti Devanagiri dan Pallava. Tulisan ini dikatakan pengaruh tulisan India seperti Jawa Kuno dan tulisan Kawi. Ini didapati pada prasasti dengan banyaknya pengaruh kata pinjaman Sanskrit yang berkait rapat dengan pengaruh kebudayaan India dan agama Hindu. Bahasa Melayu Kuno tidak mempunyai pengaruh bahasa Arab baik dari segi kosa kata atau tulisan. Bahasa Melayu

Kuno ternyata disebarakan pada zaman beberapa buah kerajaan lama seperti kerajaan Campa dan empayar Funan di Vietnam Tengah dan selatan, Thailand tengah dan selatan, kerajaan Sailendra di Pulau Jawa dan empayar Sriwijaya yang terdapat di Sumatera Utara, Pulau Jawa dan Tanah Semenanjung hingga ke Segenting Kra. Anda boleh meneliti semula perincian tentang bahasa Melayu Kuno dalam modul HMBL 3703 Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu sebagai ulang kaji untuk pemahaman yang lebih jelas.



AKTIVITI 1.1

Perihalkan perkembangan bahasa Melayu Kuno berdasarkan tulisan Ismail Hussein (1966) atau Darwis Harahap (1992).

1.3 BAHASA MELAYU KLASIK

Menurut Awang Sariyan, bahasa Melayu Klasik merupakan tahap ketiga dalam periodisasi bahasa Melayu, sesudah bahasa Melayu Purba dan bahasa Melayu Kuno. Bahasa Melayu Klasik dikatakan bermula pada abad ke-13 dan berakhir pada abad ke-19. Bahasa Melayu Klasik ini diasaskan sewaktu terdirinya kerajaan Islam pertama di sebelah timur Aceh, iaitu kerajaan Samudera-Pasai di bawah Sultan Malikul Salih. Bahasa ini merupakan kesan langsung kedatangan agama Islam dan kebudayaan Islam. Zaman permulaannya ditandai dengan kemunculan prasasti Terengganu yang bertarikh 702 Hijrah bersamaan dengan 1303 Masihi. Bahasa Melayu Klasik muncul dengan wujudnya tulisan Jawi, iaitu tulisan Arab berbahasa Melayu pada awal abad ke-14. Prasasti bahasa Melayu Klasik banyak terdapat di semenanjung Tanah Melayu seperti di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Kelantan, Kedah dan beberapa tempat lain. Prasasti ini juga ditemui di Sumatera Selatan, Jambi, Riau, Sumatera Barat, Sumatera Utara dan Aceh.

Pada abad ke-13, peralihan bahasa berlaku ekoran daripada pengaruh yang dibawa oleh agama Islam ke Asia Tenggara. Kehadiran agama Islam ke Asia Tenggara banyak mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu ketika itu terutama dari aspek kosa kata, struktur kata dan juga tulisannya. Peralihan bahasa Melayu Kuno kepada bahasa Melayu Klasik ini dapat dibuktikan dengan penemuan batu-batu bersurat seperti batu bersurat Minye Tujuh, Aceh (1390), iaitu batu bersurat pertama yang ditemui penggunaan kata-kata Arab seperti *khalifah*, *nabi-nabi*, *Allah* dan *rahmat*. Batu bersurat Pagar Ruyung pula mempunyai sedikit perbezaan dengan batu bersurat abad ke-7, iaitu dari segi bahasanya. Bahasa Melayu Klasik dikatakan mengalami zaman kegemilangannya semasa berada di bawah kerajaan Melaka, Aceh dan Johor Riau. Hal ini disebabkan kerajaan-kerajaan tersebut pernah menjadi

kawasan yang penting untuk kegiatan perdagangan dan perkembangan Islam dan seterusnya bahasa pada ketika itu.

Kemunculan bahasa Melayu Klasik ini juga ditemui dalam manuskrip Melayu Lama. Terdapat kira-kira 10,000 naskhah manuskrip Melayu lama ini tersimpan di beberapa buah negara terutamanya di Barat. Manuskrip Melayu lama yang tertua ialah surat kiriman Sultan Ternate, dari kepulauan Maluku kepada Raja Portugis yang bertarikh tahun 1521 dan 1522. Tulisan berbentuk buku pula ialah ialah kitab *Aqa'id al-Nasafi* yang bertarikh 1590 (988H). Terdapat juga manuskrip lama lain seperti *Tutinameh* (1600), *Hikayat Seri Rama* (1633), surat Raja Aceh kepada Harry Middleton (1602) dan surat emas Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh kepada Raja Inggeris, King James I (1615). Penemuan ini menunjukkan bahasa Melayu telah menjadi bahasa *lingua franca* di Asia Tenggara pada masa itu.

Dari segi fonologi, sistemnya tidak dapat ditentukan kerana tiada data lisan. Kebanyakan data berbentuk tulisan dan ini menyukarkan pengesanan sebutan yang sebenar. Awang Sariyan mengatakan bahawa perlambangan bunyi vokal terbatas kepada tiga sahaja, iaitu i, a dan u (daripada vokal Arab alif, ya dan wau). Namun demikian dapat diandaikan bahawa bahasa Melayu klasik mempunyai enam bunyi vokal sebagaimana yang terdapat dalam bahasa Melayu, iaitu a, e pepet, e taling, i, o, dan u. Dari segi bunyi konsonan pula, dapat diandaikan bahawa bunyi konsonan bahasa Melayu Klasik sama dengan yang terdapat dalam bahasa Melayu Moden. Pelambangan bunyi getaran alveolar r yang jelas menggunakan huruf "ra" dalam bahasa Arab. Penggunaan ini pada hujung suku kata akhir tertutup menggambarkan bahawa bunyi getaran alveolar itu hidup dan tidak senyap dalam bahasa lisan klasik. Bunyi diftong pula memperlihatkan persamaan dengan bunyi diftong dalam bahasa Melayu Moden, iaitu ai, au dan oi.

Dari segi tatabahasa pula, imbuhan yang digunakan sama dengan yang digunakan dalam bahasa Melayu Moden. Hal yang sama juga berlaku bagi proses morfofonemik, penggandaan dan pemajmukan. Dari segi sintaksis, ayat dalam bahasa ini memanfaatkan empat pola ayat dasar, iaitu ayat tunggal, ayat majmuk yang sama rumusnya dengan bahasa Melayu Moden, ayat kompleks dan ayat pasif.

Ciri-ciri bahasa Melayu Klasik ialah

- Ayat yang panjang dan berbelit-belit
- Banyak ayat pasif
- Menggunakan bahasa istana
- Kosa kata klasik seperti *ratna mutu manikam*, *edan kesmaran* (mabuk asmara), *sahaya*, *masyghul* dan sebagainya

- Banyak menggunakan kata pangkal ayat atau perdu perkataan seperti *sebermula, alkisah, hatta, adapun* dan sebagainya
- Penggunaan ayat songsang dan banyak menggunakan partikel *pun* dan *lah*

Kajian Asmah haji Omar tentang kitab '*Aqai'id al-Nasafi*, iaitu teks tertua bahasa Melayu menunjukkan hampir 82% kosa katanya merupakan kosa kata bahasa Melayu asli. Kata pinjaman yang agak menonjol ialah bahasa Arab, Parsi dan Sanskrit. Terdapat juga penggunaan penanda wacana yang tidak digunakan lagi dalam bahasa Melayu Moden, iaitu *bermula, hatta, syahadan, kalakian* dan seumpamanya.

Gaya bahasa Melayu Klasik pula memperlihatkan gaya yang tersendiri. Gaya bahasa Melayu Klasik kelihatan pada ayat kompleks, ayat pasif dan ayat songsang. Hal ini disebabkan oleh pengaruh bahasa Arab dan lenggoknya yang jelas kelihatan kearab-araban. Selain daripada itu, bunga bahasanya juga menggambarkan kehalusan dan daya cipta berseni karyawan pada zaman tersebut. Bahasa Melayu Klasik bertunjangkan sistem tulisan Jawi yang berasaskan aksara Arab. Sistem tulisan ini merupakan alat yang meluaskan penyebaran dalam bahasa persuratan di Alam Melayu. Malah sistem tulisan inilah merupakan bukti yang nyata tentang kewujudan bahasa ini. Warisan bahasa Melayu Klasik tertulis dalam karya persuratan yang meliputi pelbagai bidang, iaitu agama, undang-undang, ketatanegaraan, historiografi, sastera, perubatan dan pentadbiran serta hubungan politik. Bahasa Melayu Klasik juga mendapat pengaruh kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab dan Parsi.

Bahasa Melayu Klasik jelas banyak digunakan dalam penulisan agama khususnya bidang tauhid atau usuluddin, syariah atau undang-undang Islam, dan tasawuf. Karya agama yang tertua dihasilkan dalam bahasa Melayu Klasik ialah '*Aqai'id al-Nasafi*. Kitab ini membicarakan tentang hakikat kejadian benda, kemungkinan ilmu, punca ilmu, keobjektifan ilmu, teori cakerawala, hakikat Tuhan dan diri manusia. Jelasnya, kitab ini merupakan titik awal bidang ilmu yang jauh jangkauan pemikiran manusia dan diungkapkan dalam bahasa Melayu. Ini merupakan pencapaian penting bagi membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu.

Tokoh-tokoh lain yang terkenal ialah Hamzah Fansuri, Syamsuddin Pasai atau Syamsudin al-Sumaterani dan Abdul Rauf Singkel. Di samping itu, muncul ahli ilmu dari luar Alam Melayu, iaitu Nuruddin al-Raniri. Hamzah Fansuri terkenal dengan karya prosa seperti *Asrarul-Arifin fi bayan Ilm al-Suluk wal-Tawhid, al-Muntahi* dan *Sharabul-Ashiqin* atau *Zinatul-Muwahiddin*. Syairnya yang terkenal ialah *Syair Dagang, Syair Jawi fasal fi bayan Ilm al-suluk wal-tawhid* dan *Syair Perahu*.

Dari segi sejarah, bahasa Melayu Klasik mempunyai kesignifikannya tersendiri. Bahasa ini dikatakan sebagai titik bermulanya bahasa Melayu Moden. Bahasa Melayu Klasik juga memperkenalkan ragam bahasa persuratan dengan munculnya tulisan Jawi yang digunakan secara meluas di Alam Melayu. Perannya juga penting sebagai asas kepada pembentukan bahasa baku, konsep kebangsaan Melayu, dan mengungkapkan pelbagai jenis laras bagi memulakan transformasi ciri budaya yang penting.



SEMAK KENDIRI 1.2

- (a) Jelaskan perkembangan bahasa Melayu Kuno dan hubungannya dengan penemuan batu bersurat.
- (b) Huraikan dengan ringkas ciri-ciri bahasa Melayu Kuno berdasarkan batu bersurat yang ditemui.



AKTIVITI 1.2

Jelaskan kesignifikanan bahasa Melayu Klasik sebagai asas kepada perkembangan bahasa Melayu Moden.

RUMUSAN

- Sejarah perkembangan bahasa Melayu perlu dilihat dari sudut etimologi kata “Melayu”. Asal usul perkataan ini sebenarnya masih belum disahkan oleh ahli sejarah.
- Catatan Cina yang menyatakan bahawa sebuah kerajaan Mo-lo-yeu mempersembahkan hasil bumi kepada Maharaja Cina sekitar tahun 644-645 Masihi.
- Pertubuhan UNESCO telah memilih istilah Melayu bagi merujuk kepada suku bangsa yang berbahasa Melayu yang mendiami Semenanjung tanah Melayu, pantai timur Sumatera, dan beberapa tempat lagi yang berdekatan.
- Bangsa Melayu dikatakan berasal dari Asia Tengah atau dari Nusantara (kepulauan Melayu). Ini berdasarkan dua teori yang dikemukakan oleh para pengkaji, iaitu R.H. Geldern dan J.H.C. Kern.
- Dalam kajian ini istilah filum digunakan bagi menggambarkan kelompok bahasa yang menjangkau lebih 5,000 tahun. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji, bahasa Melayu didapati tergolong dalam

filum bahasa-bahasa Austris yang mempunyai tiga rumpun utama, iaitu bahasa Austroasia, Tibet-China dan Austronesia.

- Istilah rumpun digunakan bagi menggambarkan sekelompok bahasa yang mempunyai tempoh masa antara 2,500 - 5,000 tahun. Rumpun bahasa Austronesia terbahagi kepada empat cabang, iaitu bahasa-bahasa di Kepulauan Melayu (Nusantara), bahasa-bahasa Polinesia (bahasa-bahasa di Hawaii, Tonga dan New Zealand iaitu di kalangan bangsa Maori), Melanesia (bahasa-bahasa di Fiji, Irian, dan New Caledonia), dan Mikronesia (bahasa-bahasa di kepulauan Gilbert, Carolina, Marshall dan Marianna).
- Istilah keluarga digunakan bagi menggambarkan sekelompok bahasa yang kurang daripada 2,500 tahun. Kumpulan bahasa Melayu Johor mempunyai induknya daripada bahasa Melayu Johor kemudian bahasa Melayu tengah sebelum ke bahasa Melayu induk yang dikatakan berasal daripada bahasa Melayu Proto yang merupakan kumpulan bahasa Austronesia.
- Bahasa Melayu Kuno keluarga bahasa Nusantara dan berkembang dari abad ke-7 hingga abad ke-13 sebagai bahasa pentadbiran dan bahasa lingua franca. Penuturnya terdapat di semenanjung Tanah Melayu, kepulauan Riau dan Sumatera.
- Bahasa Melayu Klasik dikatakan bermula pada abad ke-13 dan berakhir pada abad ke-19. Bahasa Melayu Klasik ini diasaskan sewaktu terdirinya kerajaan Islam pertama di sebelah timur Aceh, iaitu kerajaan Samudera-Pasai di bawah Sultan Malikul Salih.
- Bahasa Melayu Klasik dikatakan mengalami zaman kegemilangannya semasa berada di bawah kerajaan Melaka, Aceh dan Johor Riau.
- Bahasa Melayu Klasik jelas banyak digunakan dalam penulisan agama khususnya bidang tauhid atau usuluddin, syariah atau undang-undang Islam, dan tasawuf. Karya agama yang tertua dihasilkan dalam bahasa Melayu Klasik ialah 'Aqai'id al-Nasafi.
- Dari segi sejarah, bahasa Melayu Klasik mempunyai kesignifikannya tersendiri. Bahasa ini dikatakan sebagai titik bermulanya bahasa Melayu Moden.

KATA KUNCI

Asal usul bangsa Melayu	Filum
Bahasa Austroasia	Keluarga bahasa
Bahasa Austronesia	Konsep Melayu
Bahasa Melayu Klasik	Manuskrip lama
Bahasa Melayu Kuno	Prasasti
Bahasa Melayu Purba	Rumpun bahasa
Batu bersurat	Surat lama

**RUJUKAN**

- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Husin et al. (1997). *Pengajian Melayu 1*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Dr. R. Soekmono. (1992). *Pengantar sejarah kebudayaan Indonesia I dan II*. Yogyakarta: Kanisius
- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia Pub. & Distributors.
- Nik Safiah Karim et al. (2004). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan dipetik daripada *Ensiklopedia kebudayaan Melayu* (1998) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.